

16/05/1997

Kegagalan usahawan punca keluaran terhad

KUALA LUMPUR, Khamis - Kegagalan usahawan tempatan merebut peluang serta insentif yang disediakan kerajaan menjadi punca kurangnya pengeluaran dan penggunaan produk tempatan di pasaran.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata, kerajaan sudah menyediakan segala kemudahan serta membentuk iklim ekonomi terbaik bagi menggalakkan perkembangan industri pembuatan dan sektor perdagangan di negara ini.

"Apa yang dirasakan kurang ialah kemampuan usahawan mengesan dan menggunakan segala kesempatan itu untuk meningkatkan keupayaan dan memasarkan produk atau barangan di dalam dan luar negara," katanya.

Beliau menyampaikan ucapan dasar 'Ke Arah Negara Perindustrian Penuh Melalui Keusahawan Barangan Buatan Malaysia' di Seminar dan Pameran Barangan Buatan Malaysia (MIM 1997), di sini hari ini.

Persidangan dan pameran itu dianjurkan oleh Pusat Perniagaan dan Teknologi Lanjutan UTM dan RMC Management Corporation (M) Sdn Bhd. Ia dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam.

Mustapa berkata, kesedaran perlu wujud di kalangan usahawan tempatan untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang disediakan mampu bersaing di pasaran tempatan dan luar negara.

"Keadaan di Malaysia sekarang adalah terbaik bagi meletakkan matlamat meningkatkan pengeluaran produk dan memastikan mutu terjamin.

"Negara sudah memiliki industri otomobil yang mengeluarkan kenderaan Proton, sektor komoditi dan perindustrian malah kini sudah terbabit pula dengan projek teknologi maklumat (IT)," katanya.

Beliau berkata, tiga perkara penting perlu dimiliki Malaysia bagi memastikan lebih banyak produk buatan tempatan dipasarkan serta mendapat tempat di luar negara.

"Aspek utama ialah memastikan bekalan sumber manusia yang saintifik, kemudahan berteknologi tinggi dan kelompok usahawan yang mampu merebut peluang dan melihat prospek atau berwawasan," katanya.

Mustapa berkata, imej tinggi negara yang diletakkan oleh pemimpin kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu dijadikan kelebihan dalam memasarkan barangan tempatan di luar negara.

"Dunia sudah mengenali Malaysia dan hakikat itu perlu digunakan bagi memasarkan barangan tempatan yang tidak kurang mutunya di pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, kerajaan bagaimanapun membenarkan lebih banyak pelaburan asing menguasai perindustrian berteknologi tinggi kerana masih belum mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang itu.

(END)